

1978

BACHOK, 9 MAC (BERNAMA) — KERAJAAN TIDAK PERNAH MEMBELAKANGKAN PELAJARAN AGAMA MALAH MENITIKBERATKANNYA SAMA SEPERTI LAIN-LAIN ILMU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BUKTI INI DAPAT DILIHAT DARI PEGANGAN AGAMA RAKYAT MUDA DI NEGARA INI SEKARANG YANG MENURUTNYA LEBIH KUKUH DARI JENERASI-JENERASI YANG LALU.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH JELAWAT, BERTARAF SETENGAH JUTA RINGGIT DEKAT SINI, BELIAU BERKATA TUDUHAN-TUDUHAN KONONNYA KERAJAAN PUSAT MEMBELAKANGKAN PELAJARAN AGAMA ADALAH TIDAK PENAR DAN TIDAK BERASAS.

BELIAU MENEGASKAN SEMUA ILMU YANG DIAJARKAN DALAM SISTEM PELAJARAN NEGARA INI TERMASUK PELAJARAN AGAMA ADALAH PELAJARAN YANG BERGUNA UNTUK RAKYAT.

TANPA PELAJARAN ATAU ILMU-ILMU INI, KATANYA, RAKYAT DI NEGARA INI YANG SEDANG MENGHADAPI BERBAGAI ANCAMAN MUNGKIN DAPAT DIPERALATKAN DAN DITEWASKAN OLEH ORANG-ORANG LAIN.

+INI TELAH KITA SAKSIKAN DI BEBERAPA NEGARA YANG TIDAK MAMPU ATAU TIDAK MENGUNTUKKAN PERUNTUKAN YANG SECUKUPNYA BAGI PEMBANGUNAN PELAJARAN DAN RAKYATNYA TELAH DITEWAS OLEH LAIN-LAIN PIHAK YANG LEBIH BERPELAJARAN DARI MEREKA. +—BERSAMBUNG 1800/AI

££

B625:

MAHATHIR-PELAJARAN 2 BACHOK

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA TANPA PELAJARAN DALAM BERBAGAI ILMU, RAKYAT NEGARA INI TERUTAMA MEREKA DARI GOLONGAN ISLAM TIDAK AKAN DAPAT MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN MEREKA DAN INI BERMAKNA UGAMA ISLAM DI NEGARA INI JUGA TIDAK AKAN KEKAL.

BAGAI MANAPUN RAKYAT NEGARA INI SEKARANG BERNASIB BAIK KERANA MEREKA DILINDUNGI OLEH SEBUAH KERAJAAN YANG CEKAP DAN JUJUR YANG SEDIA BERKHIDMAT UNTUK RAKYAT.

+TETAPI INI TIDAK PULA BERMAKNA RAKYAT TIDAK PERLU LAGI BERUSAHA MEMESATKAN LAGI KEMAJUAN MEREKA DALAM BIDANG PELAJARAN.

+SEBALIKNYA USAHA-USAHA INI PERLU DIPERGIATKAN LAGI BAGI MEMASTIKAN MEREKA TIDAK MENJADI GOLONGAN YANG LEMAH TETAPI AKAN TERUS MAJU, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH RAKYAT DALAM BERBAGAI BIDANG TERUTAMA PELAJARAN ADALAH SUATU NIKMAT BESAR YANG MEREKA RASAI.

MEREKA HENDAKLAH BERSYUKUR DAN BERUSAHA MENGEKALKANNYA SUPAYA DAPAT TERUS MERASAI NIKMAT YANG LEBIH BESAR, TAMBAHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGINGATKAN JIKA RAKYAT TIDAK MENGHARGAI SEGALA NIKMAT YANG MEREKA PEROLEHI ITU DAN TIDAK MAHU MEMPERTAHANKANNYA, MEREKA PASTI AKAN MENGALAMI NASIB MALANG DI MASA-MASA DEPAN SAMA SEPERTI YANG PERNAH DIALAMI SEWAKTU ZAMAN PENJAJAHAN DULU.

BELIAU BAGAIMANAPUN YAKIN RAKYAT SEDAR DAN INSAF DAN AKAN TERUS BERUSAHA MEMPERTAHANKANNYA SUPAYA KEKAL DAN TERPELIHARA.

+INI ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA SEMUA DAN KITA TIDAK BOLEH MEMBENARKAN SESIAPAPUN YANG CUBA MENYELEWENGGAN KEBENARAN INI DAN CUBA MEMPERALATKAN EMOSI DAN PERASAAN KITA UNTUK TUJUAN-TUJUAN LAIN. +

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KERAJAAN MEMANG BERNIAT UNTUK MELAYANI SEMUA KEPERLUAN KEMUDAHAN RAKYAT WALAUPUN IA MELEBIHI SUMBER KEWANGAN NEGARA.

KATANYA, APABILA INI BERLAKU KERAJAAN BERUSAHA MENDAPATKAN PINJAMAN DARI SUMBER-SUMBER LAIN UNTUK MEMBOLEHKANNYA MENUNAIKAN JANJI-JANJINYA KEPADA RAKYAT.

BAGAI MANAPUN, PINJAMAN-PINJAMAN INI TIDAKLAH PULA MEMBEBAKANNY RAKYAT KERANA KEBANYAKAN HASILUNTUK PEMBAYARAN BALIKNYA DAPAT DIADAKAN DARI KUTIPAN CUKAI YANG TINGGI DARI ORANG-ORANG KAYA. —BERSAMBUNG 1818/AI

MAHATHIR-PELAJARAN 3 BACHOK

163

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KADANGKALA ORANG-ORANG KAYA ITU TERPAKSA MEMBAYAR CUKAI YANG TINGGI IAITU 55 SEN BAGI SETIAP PINGGIT YANG MEREKA PEROLEHI SEDANGKAN RAKYAT MISKIN TIDAK PULA DIKENAKAN CUKAI PENDAPATAN.

BELIAU MENJELASKAN LANGKAH INI DILAKSANAKAN KERANA KERAJAAN PERCAYA ORANG-ORANG KAYA SEPATUTNYA MENANGGUNG KEWAJIPAN MEMBANTU RAKYAT MISKIN SERTA MEMBANGUNKAN NEGARA.

HAKIKAT INI PERLU DIFAHAMI OLEH RAKYAT DAN MEREKA SEHARUSNYA BERSYUKUR KERANA TERDAPATNYA SISTEM SEPERTI INI DI NEGARA INI.

KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DI SEKOLAH ITU TELAH DISAMBUT MERIAH OLEH MURID-MURID SEKOLAH DAN PENDUDUK SEKITAR.

BELIAU TELAH DIBERIKAN SAMBUTAN TRADISIONAL KELANTAN OLEH SEKUMPULAN 20 ORANG WANITA MENJUNJUNG +NASI DAN TELOR SEMANGAT+ MANAKALA MURID-MURID SEKOLAH PULA MENABURKAN BUNGA MAWAR.

— BERNAMA 1822/A1